




PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Fail : (01) dlm. PTG/BPT/SEL10/31/99(LG).1
Tarikh : 16 Julai 2020

Chairman
The Selangor Bar
No. 41
Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
(u.p Puan Nurul Munahiza binti Hanafi)



Puan,

**OPERASI KUTIPAN URUSAN PERSERAHAN 'DROPBOX' BAHAGIAN
PENDAFTARAN HAKMILIK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
(LANDED)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, bagi menangani isu tunggakan kutipan perserahan (urusniaga dan bukan urusniaga) 'Dropbox' di Bahagian Pendaftaran Hakmilik (Landed), kaunter kutipan akan beroperasi seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 20 – 23 Julai 2020 (Isnin – Khamis)

Tempat : Ballroom,
Tingkat G, Dewan Jubli Perak Shah Alam

Masa : 9.00 pagi – 3.00 petang

Dokumen yang diperlukan : Slip Pengesahan/ Senarai Semak
Dropbox & Cop Firma (beralamat penuh)

Kutipan ini melibatkan semua perserahan bagi urusan urusniaga dan bukan urusniaga bertarikh 'Dropbox' 10 Julai 2020 dan sebelumnya sahaja.

3. Bagi perserahan 'Dropbox' bermula 13 Julai 2020, status semakan bagi pungutan boleh dibuat melalui pautan <http://eperserahan.selangor.gov.my/pungut.php>. Proses kutipan perserahan boleh dibuat selepas status 'SEDIA DIPUNGUT' pada pautan tersebut bermula 24 Julai 2020 (Jumaat) tanpa perlu menunggu panggilan temujanji daripada pihak PTG Selangor:-

Tarikh : Bermula 24 Julai 2020 (Jumaat) (*Selepas status 'SEDIA DIPUNGUT'*)
Tempat : Kaunter Pungutan
Tingkat LG, Bahagian Pendaftaran Hakmilik PTGS
Masa : 8.30 pagi – 3.30 petang (*Nombor giliran terhad kepada 100 nombor sehari bagi memastikan perjarakan sosial dan memudahkan kawalan*)
Dokumen yang diperlukan :Slip Pengesahan/ Senarai Semak
Dropbox & Cop Firma (beralamat penuh)

4. Untuk makluman jua, tiada lagi pengecualian denda lewat diberikan bagi perkara berikut bermula 3 Ogos 2020 (Isnin):-

- i. Perserahan urusniaga; dan
- ii. Pungutan perserahan.

5. Sehubungan dengan itu, dipohon agar pihak The Selangor Bar untuk membuat hebahan kepada semua Firma Guaman yang berkaitan agar proses tersebut berjalan lancar. Diingatkan jua agar pihak Firma Guaman memberikan kerjasama untuk mematuhi langkah keselamatan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya penjarakan sosial semasa berada di premis ini bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19.

6. Perhatian dan tindakan puan dalam perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NORSHAHNAZ BIN MD ZAHIR)
b.p Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

SALINAN KEPADA:

- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- ii. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
- iii. Timb. Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pendaftaran)
- iv. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pengurusan)